

**SOALAN NO: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN V. SIVAKUMAR**

**TARIKH: 2 NOVEMBER 2016**

**SOALAN:**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja-pekerja yang dibuang kerja di sektor bank dan institusi-institusi kewangan yang lain pada tahun 2015 dan 2016. Apakah punca-punca pembuangan pekerja di sektor kewangan di seluruh negara.

**PR-1343-L76930**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, jumlah pemberhentian pekerja bagi sektor Kewangan dan Insuran/takaful pada tahun 2015 adalah sebanyak 17,628 pekerja. Secara keseluruhannya, sektor ini mencatatkan jumlah pemberhentian pekerja yang tertinggi iaitu

sebanyak 45.8% daripada keseluruhan jumlah pemberhentian pekerja di semua sektor iaitu sebanyak 38,499.

2. Manakala sehingga September 2016, jumlah pemberhentian pekerja bagi sektor Kewangan dan Insuran/takaful adalah sebanyak 4,424. Secara keseluruhannya, sektor ini mencatatkan jumlah pemberhentian pekerja ketiga tertinggi selepas sektor Pembuatan dan sektor Perdagangan Borong dan Runcit iaitu sebanyak 14% daripada keseluruhan jumlah pemberhentian pekerja di semua sektor iaitu sebanyak 31,476.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Berdasarkan rekod dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK) terdapat beberapa sebab yang mendorong pihak majikan sektor Kewangan dan Insuran/takaful mengambil tindakan pemberhentian pekerja. Sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

- (i) menukar proses operasi dari sistem manual ke automasi;
- (ii) penggabungan syarikat;
- (iii) penstrukturkan semula organisasi; dan
- (iv) penutupan perniagaan sepenuhnya/sebahagian.

4. Tindakan pemberhentian hendaklah sentiasa menjadi pilihan terakhir (*last resort*) dan akan hanya dilakukan sekiranya tiada pilihan lain dapat diambil bagi tujuan memperkemas operasi dan perjalanan perniagaan oleh mana-mana organisasi majikan. Kementerian

Sumber Manusia (KSM) telah mengambil tindakan yang drastik berhubung isu pemberhentian pekerja dengan menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK). Pusat operasi di peringkat negeri juga telah ditubuhkan bagi menjalankan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan.